

BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD

NOTA AMALAN 5

LATIHAN UNTUK PENGARAH

Perincian	Rujukan Silang
Tarikh kuat kuasa:	15 Februari 2001 Perenggan 15.08
Tarikh semakan:	3 Ogos 2009

1.0 Pengenalan

- 1.1 Nota Amalan ini menetapkan kehendak Bursa berhubung dengan program latihan yang mesti dihadiri oleh pengarah penerbit tersenarai atau seseorang pemohon yang memohon untuk penyenaiaan di Senarai Rasmi Bursa ("**Pengarah**") dengan mematuhi Kehendak-kehendak Penyenaiaan.
- 1.2 menurut perenggan 15.08 Kehendak-kehendak Penyenaiaan, Pengarah mesti menghadiri program latihan yang ditetapkan oleh Bursa dari semasa ke semasa.
- 1.3 Bursa telah menetapkan supaya Pengarah menghadiri Program Akreditasi Mandatori ("**MAP**") di bawah perenggan 15.08 Kehendak-kehendak Penyenaiaan.

2.0 Program Akreditasi Mandatori ("MAP")

- 2.1 MAP akan dianjurkan oleh badan berkanun yang diluluskan oleh Bursa ("**Penganjur Diluluskan**").
- 2.2 Pengarah mesti mematuhi kehendak yang berikut berhubung dengan MAP:
- (a) pengarah mesti menghadiri MAP sepenuhnya dan mendapatkan perakuan daripada Penganjur Diluluskan untuk mengesahkan bahawa dia telah melengkapkan MAP;
- (b) pengarah mesti melengkapkan MAP dalam masa yang dinyatakan dalam jadual di bawah.

Bil.	Pengarah	Jangka Masa untuk Melengkapkan MAP
(i)	Pengarah yang dilantik untuk kali pertama sebagai pengarah penerbit tersenarai	Dalam masa 4 bulan dari tarikh pelantikan
(ii)	Pengarah pemohon yang memohon penyenaiaan di Bursa	Dalam masa 4 bulan dari tarikh penyenaiaan pemohon melainkan jika Pengarah itu tergolong dalam kategori yang dinyatakan dalam subperenggan (i) di atas yang dalam hal itu tempoh yang dinyatakan dalam subperenggan (i) terpakai.

- (c) Melainkan jika ditetapkan selainnya oleh Bursa, hanya Pengarah yang kepadanya suatu perakuan telah diberikan oleh Penganjur Diluluskan kerana melengkapkan MAP dalam jangka masa yang ditetapkan dalam subperenggan (b) di atas atau apa-apa jangka masa lain yang dibenarkan oleh Bursa akan disifatkan sebagai telah melengkapkan MAP.
- 2.3 Kandungan dan tempoh kursus MAP boleh diubah oleh Penganjur Diluluskan dengan kelulusan Bursa pada bila-bila masa yang difikirkan perlu. Pengarah yang kepadanya suatu perakuan telah dikeluarkan kerana melengkapkan MAP atau mana-mana bahagian MAP sebelum tarikh perubahan itu tidak terkesan dengan perubahan itu.

3.0 Kewajipan penerbit tersenarai

- 3.1 Penerbit tersenarai mesti memberitahu pengarah mereka tentang kehendak untuk menghadiri MAP.